

PM: Jelaskan takrif pengganas

UM 2 6 SEP 2001

Oleh MOHD. NOR AB. SAMAD

PUTRAJAYA 25 Sept. — Persidangan antarabangsa berhubung keganasan perlu menjelaskan takrif pengganas sebelum memulakan usaha memerangi masalah yang mereka cetuskan sehingga ke akar umbi.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hanya setelah berbuat demikian, usaha memerangi masalah ini dapat dilakukan dengan berkesan bagi memastikan ia tidak berulang.

Menurut Perdana Menteri, dengan menggunakan pendekatan kekerasan, umpamanya penggunaan ketenteraan, masalah yang dicetuskan oleh pengganas ini tidak dapat diselesaikan.

“Kita bercakap mengenai soal memerangi kejahatan dan mereka ini (pengganas) boleh berada di mana sahaja.

“Tanpa berbuat demikian, tiada jaminan usaha memerangi keganasan dapat dihapuskan,” kata beliau pada sidang akhbar khusus mengumumkan langkah merangsangkan ekonomi negara di pejabatnya di sini hari ini.

Menjelaskan lanjut, Dr. Mahathir berkata, melalui perbincangan itu, dapat dijelaskan takrif pengganas dan langkah yang perlu diambil oleh dunia untuk tangani masalah tersebut.

Beliau turut ditanya sama ada Malaysia akan meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganjurkan persidangan antarabangsa mengenai keganasan sebagaimana yang disyorkan itu.

Cadangan

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mengemukakan cadangan rasminya mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, ketika ini suasana tidak begitu sesuai untuk berbuat demikian kerana soal memburu pengganas menjadi keutamaan.

Menurut beliau, punca keganasan perlu dikenal pasti kerana banyak cara boleh mereka lakukannya termasuk membubuh racun dalam bekalan air.

Beliau berkata, cadangan mengadakan persidangan itu turut dimaklumkan

kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair baru-baru ini.

Perdana Menteri mengulangi sekali lagi pendirian negara yang Malaysia menyokong tindakan Amerika Syarikat (AS) memerangi keganasan.

Tegas beliau, Malaysia tidak akan melindungi pengganas dan mereka yang terbabit sudah pun ditahan di bawah undang-undang negara.

“Kalau ada orang asing yang datang ke sini untuk lari daripada tindakan undang-undang oleh mana-mana negara lain, mereka akan... kalau ada perjanjian ekstradisi, kita akan membenarkan mereka dihantar keluar.

“Sedangkan dahulu pun kita telah tolong menangkap pengedar dadah yang berada di Malaysia dan kita telah serahkan kepada negara yang mendakwa mereka menyalahi undang-undang negara berkenaan,” jelas Dr. Mahathir.

Bagi yang melakukan kesalahan jenayah lain pula seperti merompak, beliau berkata, apabila mempunyai bukti yang mencukupi dan jelas, mereka akan dihadapkan ke mahkamah.

Perdana Menteri berkata, setakat ini kegiatan keganasan yang dikesan di negara ini hanya melibatkan rakyat Malaysia.

Katanya, tindakan sudah diambil kecuali beberapa orang lagi yang tidak dapat dikesan, kemungkinan berada di sini atau di luar negara.

Beliau berkata, Malaysia memang sedia bekerjasama kerana pendirian kerajaan jelas, ia menentang keganasan, menyokong tindakan memburu mereka.

Bagaimanapun, katanya, perlu ada pertimbangan sama ada wujud justifikasi untuk berbuat demikian atau sebaliknya.

Ketika ditanya mengenai pandangan yang menyamakan pengganas dengan Islam, Dr Mahathir, berkata terdapat juga pengganas yang menganut agama lain.

“Oleh itu, perlu ada persidangan untuk mendefinisikan keganasan dan tindakan yang harus diambil. Pendekatan serampang dua mata perlu diambil untuk menangani masalah keganasan,” katanya.